

**IKLAN JAWATAN GURU TABIKA PERPADUAN GRED S29 (KONTRAK)
JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

1. BUTIRAN JAWATAN

- | | | | |
|-----------|-----------------------------|---|--|
| 1.1 | Jawatan | : | Guru Tabika Perpaduan Gred S29 (Kontrak) |
| 1.2 | Gred Jawatan | : | S29 |
| 1.3 | Kumpulan Perkhidmatan | : | Sokongan |
| 1.4 | Taraf Jawatan | : | Kontrak |
| 1.5 | Agensi | : | Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional,
Negeri Sembilan Darul Khusus |
| 1.6 | Bilangan Kekosongan | : | Lima (5) |
| 1.7 | Tempat Kekosongan | : | Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional
Negeri Sembilan Darul Khusus |
| 2. | JADUAL GAJI GRED S29 | : | RM1,493.00 – RM5,672.00 - (Min - Max) |
| 3. | ELAUN | : | Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA) - RM 160.00
Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) - RM 300.00
Bantuan Sara Hidup (COLA) - RM 350.00 / RM 250.00
RM 200.00 |

4. SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- 4.1 warganegara Malaysia;
- 4.2 berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - a. Diploma dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-Kanak dan berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan pada Gred S29 : RM1,770.95)

4.3 Syarat Bahasa Melayu

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

5. DESKRIPSI TUGAS :

Bertanggungjawab menguruskan pendaftaran kanak-kanak ke tabika melaksanakan tugas mengajar, mengurus rekod dan dokumentasi pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak, merancang aktiviti pengajaran tahunan, menyiapkan laporan bulanan kelas, mengendalikan semua fail ISO yang digunakan di tabika, membuat penilaian berterusan tentang perkembangan kanak-kanak serta tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

6. CARA MEMOHON :

- 7.1 Permohonan hendaklah dibuat dalam Borang Permohonan yang boleh diperolehi di Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Sembilan Darul Khusus atau boleh diperolehi dengan melayari laman web JPNIN di <http://www.jpnin.gov.my> di ruangan “Pusat Media”.
- 7.2 Permohonan daripada Pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah dikemukakan melalui **Ketua Jabatan** masing-masing mengikut Peraturan 17 Bab ‘A’ Lantikan Dan Kenaikan Pangkat 2005.
- 7.3 Borang Permohonan berserta gambar terkini (berukuran passport) yang tidak dikembalikan dan salinan Kad Pengenalan, Sijil Kelahiran, Sijil Kelulusan Akademik, Sijil Berhenti Sekolah, Salinan Lesen Memandu sebagai dokumen tambahan. Dokumen sokongan yang berkaitan dan telah disahkan perlu dihantar ke alamat seperti berikut :

Pengarah
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
Negeri Sembilan Darul Khusus
Tingkat 12, Wisma Persekutuan
Jalan Dato' Abdul Kadir
70000 Seremban

- 7.3.1 Pengesahan dokumen perlu dilaksanakan oleh Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan Dan Profesional, ADUN, Imam, Mahkamah Seksyen/Pesuruh Jaya Sumpah, Penghulu atau Pengerusi Rukun Tetangga dan Pemimpin Masyarakat yang diiktirafkan.

7. TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 18 Disember 2022 (4.30 petang)

8. PANGGILAN TEMUDUGA

- 9.1 Permohonan yang berikut **AKAN DITOLAK** :

- a) tidak disertakan dengan dokumen yang diperlukan
 - b) tidak lengkap atau tidak terang
 - c) tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan
 - d) tidak menandatangani borang permohonan
 - e) tidak mengesahkan salinan dokumen yang disertakan
- 9.2 Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan dan memenuhi syarat-syarat seperti yang telah ditetapkan akan dipanggil untuk menghadiri temuduga. Calon-calon yang tidak dihubungi selepas tempoh tiga (3) bulan daripada tarikh tutup permohonan hendaklah dianggap tidak berjaya.

- 9.3 Segala perbelanjaan menghadiri temuduga adalah tanggungan sendiri dan Jabatan tidak akan melayan sebarang tuntutan.

Tarikh : 1 Disember 2022